

'Jahitan Kehidupan' bantu Syria



UNTUK KEMANUSIAAN: Encik Muhammad Khalid dan kakaknya, Cik Mehrunnisa (tengah), dan adiknya, Cik Nazrunnisa, menubuhkan Qiswah dan akan menganjurkan projek bantuan kemanusiaan amal bagi rakyat Syria dan Gaza bulan ini. - Foto TAUFIK A. KADER

1/4

11 Nov 2014

NIZAM ISMAIL

SEBUAH lagi pertubuhan setempat tampil membantu usaha kemanusiaan bagi rakyat Syria pada hujung minggu ini.

Ia digerakkan pertubuhan Qiswah menerusi Pengurus Besarnya, Encik Muhammad Khalid Ibrahim.

Ia dianjurkan dengan kerjasama Jamiyah dan Rangkaian Ekspatriat Muslim (MEX) - sebuah divisyen Angkatan Karyawan Islam (AMP) serta pusat pendidikan SimplyIslam dan disokong Pertubuhan Antara Agama (IRO).

Encik Muhammad Khalid berkata program tersebut dinamakan 'Stitching Lives' atau 'Jahitan Kehidupan'.

"Kami namakannya 'Jahitan Kehidupan' bagi menggambarkan perbuatan membantu dengan menjahit kembali kehidupan mereka yang telah musnah, rosak dan 'koyak' di kawasan yang dilanda perang di Syria dan Palestin.

"Acara ini dirancang bagi memberi peluang kepada rakyat Singapura yang berasa kecewa, marah dan tidak berdaya atas penderitaan orang Syria dan Palestin.

"Ia bagi memberi jalan keluar untuk rakyat Singapura menyalurkan emosi dengan cara yang positif dan membina.

"Acara ini akan menyaksikan peserta yang hadir akan menjahit perca kain yang diberikan secara beramai-ramai.

"Mereka menjahit mesej tertentu dan kemudian akan mengongsi antara peserta untuk menunjukkan perpaduan dan sokongan bagi tujuan yang sama," ujar Encik Muhammad Khalid.

Mesej peribadi itu secara amnya tentang keamanan atau harapan bagi masa depan yang lebih baik, ujarinya.

Acara itu akan diadakan pada Sabtu ini mulai 10 pagi di The Star Theatre@The Star Performing Arts Centre, 1, Vista Exchange Green.

Ia diharap dapat dimuatkan dalam Rekod Dunia Guinness yang baru bagi kategori 'ramainya orang yang menjahit pada masa yang sama'.

Dijangka sekitar 1,800 peserta mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Ini bagi membolehkan Qiswah menyediakan 5,000 selimut pada musim sejuk bagi membantu pelarian Syria yang kini menjadi pelarian di Turkey akibat konflik perang di negara mereka.

Acara ini juga akan membolehkan Qiswah memberikan bantuan kepada pelarian Syria dan juga kepada rakyat Gaza melalui sumbangan dana yang dikumpulkan di acara tersebut.

"Acara ini bukan saja akan mendekati dan melibatkan masyarakat Melayu/Islam malah bertujuan merangsang penglibatan berbilang kaum.

"Ini di samping menggalakkan toleransi kaum dan keharmonian dalam masyarakat.

"Saya kira acara ini juga akan mempunyai kesan domino yang luas jangkauannya.

"Ia sebagai pesan perdamaian yang disampaikan masyarakat di samping membantu memadamkan salah faham tentang Islam," ujar Encik Muhammad Khalid.

Selain Qiswah, terdapat badan Islam lain yang kini giat mengumpul dana bagi masyarakat Syria.

Ini termasuk Projek Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) yang diterajui pusat pendidikan SimplyIslam dan MEX.

Badan Agama dan Pelajaran Radin Mas (Bapa) kini giat menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Syria.

Menurut Encik Muhammad Khalid, projek 'Jahitan Kehidupan' ini sesuai dengan matlamat Qiswah yang ditubuhkan bagi merealisasikan visi lama yang dipegang adik-beradiknya - Cik Nazrunnisa Ibrahim yang kini Pengarah Pembangunan Perniagaan Qiswah dan Cik Mehrunnisa Ibrahim sebagai Pengarah Kewangan dan Sumber Manusia Qiswah.

Ini antara usaha mereka membantu menyumbang kepada masyarakat Islam sama ada di dalam negara atau di peringkat antarabangsa.

Qiswah terletak di International Plaza di 10 Anson Road.

"Qiswah melihat ini sebagai tanggungjawab melancarkan projek yang melibatkan masyarakat seperti bantuan kemanusiaan.

"Ia dirancang bagi menyediakan aktiviti antara semua kaum dengan agama di samping menggalakkan perpaduan sosial, toleransi dan keharmonian dalam masyarakat.

"Kami harap 'Jahitan Kehidupan' akan menyediakan platform kepada para peserta belajar dan memahami nilai tanggungjawab sosial melalui sumbangan yang bermakna.

"Pada akhirnya, objektif utama kami bukan sahaja menyediakan selimut kepada pelarian Syria bahkan hasil sumbangan ramai itu membolehkan kami membeli makanan dan kit yang sesuai agar disumbangkan kepada pelarian Syria dan Palestin.

"Walaupun peserta dikenakan bayaran \$15 hasil penjualan tiket akan didermakan kepada pelarian Syria dan Palestin dan akhirnya membantu meringankan kesusahan yang dihadapi mereka," ujar Encik Muhammad Khairudiin.

BANTUAN KEMANUSIAAN KE SYRIA

PROJEK BANTUAN BAGI PELARIAN SYRIA DI TURKEY (Asrit)

Asrit diterajui pusat pendidikan SimplyIslam dan Rangkaian Ekspatriat Muslim (MEX), sebuah divisyen Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Asrit telah kumpulkan lebih \$420,000 dengan kerjasama pelbagai badan lain, termasuk Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) dan Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas).

Asrit menyasarkan mengumpul \$500,000 menjelang akhir tahun ini.

Projeknya termasuk membina sekolah bagi membantu masyarakat di Syria.

Cara menderma:

Melalui talian 6517-4974 atau teks 9827-9330 dan di laman www.asrit.sg.

BADAN AGAMA DAN PELAJARAN RADIN MAS (Bapa)

Bapa juga giat menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Syria.

Cara menderma:

1) Tunai, Nets dan cek di pejabat Bapa di Kembangan Court, 5, Jalan Masjid, #01-15, Singapura 418924.

Talian: 6278-7750

2) Pemindahan wang ke akaun semasa POSB 793-23820-7. Hubungi 6278-7750/8589-7509 atau PM melalui Facebook bagi pengesahan pemindahan.

3) Cek kepada 'Religious And Educational League Of Radin Mas' atau 'Badan Agama Dan Pelajaran Radin Mas' and pos ke alamat di atas. Isi borang melalui laman www.bapa.org.sg

4) Khidmat menderma dari rumah atau pejabat. Hubungi 6278-7750 atau 8589-7509.

5) Derma dalam talian melalui www.bapa.org.sg.